

LAPORAN
CADANGAN PENGUBAHSUAIAN
DAN REKABENTUK DALAMAN
NATURE EDUCATION CENTRE (NEC)
DI INSTITUT PENYELIDIKAN HUTAN MALAYSIA
KEPONG 52109 KUALA LUMPUR

Oleh

MOHD KHAIRI BIN KHALID

2003125975

Jabatan Seni Bina Dalaman
Fakulti Seni Bina, Perancangan Dan Ukur
Universiti Teknologi MARA(UiTM)
Perak

OKTOBER 2006



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah, kerana dengan limpah kurnia serta inayahNya, dapat saya menyempurnakan laporan projek akhir bagi kursus IND 386. Melalui tugas ini, banyak ilmu serta benda baru yang dapat saya pelajari sepanjang tempoh penyelidikan bagi projek akhir ini.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada pihak yang banyak membantu sepanjang proses menyiapkan laporan ini, terutama sekali kepada keluarga yang banyak memberi galakan serta dorongan sepanjang tempoh pengajian saya.

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Prof. Madya Rusni bin Abdul Ghani @ Rani selaku koordinator program Senibina Dalaman. Tidak lupa juga kepada Cik Mawar binti Masri selaku koordinator kursus Ind 386 serta kepada En. Azizul Azli bin Ahmad selaku penyelia bagi laporan kerja kursus ini. Segala bimbingan serta teguran dari mereka banyak memberi panduan serta idea kepada saya sepanjang tempoh menyiapkan laporan ini.

Akhir sekali kepada pihak Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), terutama sekali kepada En. Zainal bin Abdullah serta Cik Nanie binti Ahmad selaku pegawai program di *Nature Education Centre* (NEC). Tidak lupa juga kepada pihak Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM), terutama sekali kepada En. Saiful, yang banyak membantu memberi maklumat serta penerangan yang diperlukan.



ABSTRAK

Pusat Pendidikan Alam sekitar (Nature Education Centre) mungkin sesuatu yang baru bagi rakyat Malaysia. Pusat pendidikan sebegini merupakan tempat bagi orang ramai mendapat maklumat serta mempelajari alam persekitaran. Akan tetapi kewujudan pusat sebegini kurang diketahui oleh orang ramai. Pada masa kini pusat sebegini merupakan satu keperluan terutamanya bagi para pelajar serta pengkaji dan pencinta alam sekitar mendapat pelbagai informasi mengenai alam sekitar.

Melalui usaha beberapa pihak tertentu yang mewujudkan pusat pendidikan sebegini, adalah diharap akan lebih menarik minat orang ramai untuk belajar mengenal alam sekitar seterusnya lebih peka terhadap sesuatu isu yang melibatkan alam sekitar.



PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI RAJAH	iv
SENARAI LAMPIRAN	v

ISI KANDUNGAN

BAB 1.0	PENGENALAN	
1.1	PENGENALAN KAJIAN	
1.1.1	Pengenalan <i>Nature Education Centre (NEC)</i>	1
1.1.2	Objektif NEC	
1.1.3	Modul	2
1.1.4	Kemudahan	2
1.2	KLIEN	
1.2.1	Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS)	3
1.2.2	Carta organisasi MNS	4
1.3	METODOLOGI KAJIAN	5
BAB 2.0	PROJEK	
2.1	PENGENALAN PROJEK	6
2.2	KAJIAN KES	7
2.3	PLANETARIUM NEGARA	
2.3.1	Pengenalan Planetarium	8
2.3.2	Asas penubuhan planetarium	9
2.3.3	Matlamat Planetarium	11
2.3.4	Kemudahan yang disediakan	12
2.3.5	Peranan Planetarium	13
2.3.6	Program yang disediakan	14
2.4	PETROSAINS	15
2.4.1	Pengenalan Petrosains	17
2.4.2	Kemudahan	
2.5	ANALISA TAPAK	21
2.5.1	Lokasi tapak	21
2.6	ORENTASI PENCAHAYAAN DAN PENGUDARAAN	



1.2 KLIEN

1.2.1 PERSATUAN PENCINTA ALAM MALAYSIA

Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) merupakan NGO berkaitan alam sekitar yang tertua di Malaysia. MNS bergiat aktif dalam usaha pemuliharaan alam sekitar hampir setengah abad. Sebagai organisasi yang tidak bermotifkan keuntungan. MNS bergiat aktif dengan menganjurkan pelbagai aktiviti untuk ahli serta bukan ahli. Kuala Selangor *Nature Park*, Boh *Tea Estate chalets* di Cameron Highland, *Nature education programmers* di Rimba Ilmu (Universiti Malaya) serta *Nature Education Centre* (NEC) merupakan pusat yang diuruskan oleh MNS.

Matlamat MNS adalah untuk meningkatkan tahap kesedaran rakyat Malaysia agar lebih menghargai alam sekitar yang kaya dengan sumber biodiversiti ini. Selain itu MNS juga menggalakkan penglibatan orang ramai dalam program pemuliharaan alam sekitar melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan. Objektif utama MNS ialah menjalankan aktiviti pemuliharaan alam sekitar. Setiap penyelidikan dikendalikan oleh pegawai sains serta sukarelawan. Antara projek yang pernah dijalankan oleh MNS ialah

1. Projek Taman Negara Endau Rompin di Johor
2. Projek Pantai Aceh di Pulau Pinang
3. Menghalang aktiviti pembalakan di Ulu Muda Kedah